

Jenis Akhbar : Utusan Online  
Tarikh : 22/07/2017  
Edisi / Muka Surat : [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

## Pelan Strategik Angkaasa 2017-2050 dilancarkan



*MENTERI Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainudin dengan di iringi Presiden Angkaasa Datuk Fatah Abdullah (kanan) hadir, pada majlis perasmian Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkaasa ke-32 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI*

**Siti Norhawa Mohd. Ali**

22 Julai 2017 2:14 PM

KUALA LUMPUR 22 Julai - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) hari ini melancarkan Pelan Strategik Angkaasa 2017-2050 dalam usaha memperkukuhkan pembangunan ekonomi melalui gerakan koperasi negara.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pelan strategik itu adalah bagi merealisasikan visi Angkaasa untuk menjadi pemangkin pembangunan koperasi terunggul di ASEAN menjelang tahun 2020.

“Pelan Strategik ini merangkumi empat tonggak utama iaitu Tonggak Ekonomi, Tonggak Ekosistem, Tonggak Tadbir Urus dan Tonggak Inovasi.

“Pemantauan pencapaian akan dinilai berdasarkan tiga jangkamasa iaitu Jangkamasa Pendek (2017-2020), Jangkamasa Sederhana (2021-2030) dan Jangkamasa Panjang (2031-2050),” katanya dalam Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkaasa ke-32 di sini hari ini.

Pelan strategik itu dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin. - UTUSAN ONLINE